

Najib rasmi AGM Umno 2011
The Malaysian Insider
01 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 1 Dis — Perhimpunan Agung Umno 2011 bermula dengan majlis perasmian oleh presiden parti Datuk Seri Najib Razak di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis dimulakan dengan upacara perbarisan dan menaikkan bendera Umno di Dataran Putra, diikuti dengan penyampaian ucapan dasar oleh Najib, yang juga Perdana Menteri, di hadapan 5,477 perwakilan di Dewan Merdeka.

Satu jamuan makan malam sempena perasmian itu juga akan diadakan di Dewan Tun Razak I pada 8 malam ini.

Pertemuan selama lima hari bermula dengan perasmian serentak perhimpunan agung tiga sayap Umno iaitu Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri oleh Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga Timbalan Perdana Menteri kelmarin.

Perhimpunan agung kali ini dijangka menumpukan kepada pengukuhan jentera pilihan raya parti dalam persediaan parti tunjang pemerintah itu menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Dijangka amanat yang disampaikan oleh Najib akan sarat dengan nasihat dan ingatan, bukan sahaja kepada para perwakilan malah kepada berjuta-juta anggota Umno, lapor Bernama Online.

Sempena perhimpunan agung kali ini juga, satu forum antarabangsa turut diadakan bertajuk "Transformasi Politik, Ekonomi dan Sosial Dalam Era Krisis Global".

Sebanyak 65 perwakilan daripada 25 parti politik dari 22 negara menghadiri forum itu, yang berlangsung selama dua hari dari Isnin.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-rasmi-agm-umno-2011/>